

Prospek Pertumbuhan Ekonomi Malaysia 2017

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh lebih pantas pada kadar 4.5 peratus untuk tahun ini berbanding dengan 4.2 peratus pada tahun lepas. Seperti tahun lepas, sebahagian besar pertumbuhan adalah dijana oleh permintaan domestik. Pertumbuhan domestik pula disumbangkan terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta yang terdiri dari penggunaan dan pelaburan. Perbelanjaan kerajaan dijangka tumbuh lebih perlahan selari dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal.

Namun demikian, permintaan luar dijangka lebih baik pada tahun ini berbanding tahun lepas. Beberapa negara ekonomi utama dunia yang merupakan rakan dagang Malaysia diunjurkan akan tumbuh dengan lebih pantas dari jangkaan sebelum ini. Ini adalah disebabkan oleh keberkesanan dasar fiskal dan kewangan negara-negara terbabit. Negara-negara tersebut termasuklah Amerika Syarikat, China, Jepun dan beberapa negara Eropah.

Dalam pada itu permintaan dari negara-negara pengeksport komoditi juga dijangka akan tumbuh lebih pantas kesan dari kenaikan harga beberapa komoditi utama dunia. Ini termasuk kenaikan harga minyak mentah dan komoditi pertanian, terutama minyak dan lemak serta komoditi bahan mentah yang lain. Peningkatan permintaan dari negara-negara pengeksport komoditi serta beberapa ekonomi utama dunia dijangka akan menyumbangkan kepada pertumbuhan aliran perdagangan dunia yang lebih pantas.

Malaysia dijangka akan menerima manfaat dari pertumbuhan aliran perdagangan dunia yang lebih baik ini. Eksport barangan dan perkhidmatan untuk tahun ini dijangka tumbuh pada kadar 1.8 peratus setahun, berbanding dengan penguncupan pada tahun lepas. Lebihan dagangan untuk dua bulan pertama tahun ini telah menunjukkan

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

peningkatan dengan merekodkan RM13.4 bilion, berbanding RM12.8 bilion untuk jangka masa yang sama tahun lepas.

Statistik terkini Februari 2017 menunjukkan kedua-dua eksport dan import merekodkan pertumbuhan tahunan yang pantas, masing-masing pada kadar 26.5 peratus dan 27.7 peratus. Walaupun pertumbuhan import lebih pantas dari pertumbuhan eksport, pertumbuhan import untuk barangan perantaraan adalah lebih pantas pada kadar 39.9 peratus setahun berbanding dengan barangan modal dan penggunaan yang masing-masing merekodkan pertumbuhan 5.6 peratus dan 0.6 peratus. Barangan perantaraan adalah barangan yang digunakan untuk mengeluarkan barangan akhir terutama untuk pasaran eksport. Peningkatan import barangan perantaraan bermakna kemungkinan besar eksport untuk masa terdekat akan meningkat. Kesan dari pertumbuhan perdagangan luar yang baik, baki akaun semasa imbalan pembayaran untuk tahun ini dijangka akan meningkat berbanding tahun lepas.

Jangkaan peningkatan sektor luar turut disokong oleh sentimen perniagaan untuk suku pertama 2017, yang diukur oleh indeks keadaan perniagaan (BCI). BCI merupakan indeks yang menunjukkan sentimen sektor perniagaan berdasarkan tinjauan yang dijalankan oleh MIER setiap suku tahunan. BCI bukan sahaja dirujuk dengan meluas di dalam negara, malah ianya juga turut menjadi rujukan di peringkat antarabangsa berkaitan dengan sentimen perniagaan di Malaysia.

BCI untuk suku pertama 2017 menunjukkan peningkatan sebanyak 38.8 peratus berbanding dengan suku keempat 2016 atau peningkatan sebanyak 21.3 peratus berbanding dengan suku pertama tahun lepas. Ini bermakna sektor perniagaan lebih yakin dengan keadaan ekonomi. Para peniaga yakin dengan keadaan ekonomi semasa dengan peningkatan indeks semasa, malah lebih berkeyakinan dengan keadaan ekonomi akan datang kerana peningkatan indeks jangkaan yang lebih ketara.

Berdasarkan tinjauan tersebut, para peniaga begitu berkeyakinan dengan permintaan luar. Indeks pesanan eksport baru meningkat sebanyak 72.3 peratus berbanding suku keempat 2016. Manakala, indeks jangkaan jualan eksport meningkat sebanyak 100 peratus berbanding dengan suku lepas. Jika dibandingkan dengan suku pertama 2016,

indeks pesanan eksport baru meningkat sebanyak 138.0 peratus, manakala indeks jangkaan jualan eksport meningkat sebanyak 100 peratus.

Sentimen perniagaan juga turut positif untuk pasaran domestik, di mana indeks untuk pesanan domestik meningkat sebanyak 11.4 peratus berbanding suku keempat tahun lepas, atau meningkat 21.3 peratus berbanding dengan suku pertama tahun lepas. Semua indeks komponen BCI yang lain juga menunjukkan peningkatan termasuk jualan, pengeluaran, pelaburan modal, penggunaan kapasiti dan jangkaan pengeluaran.

Dalam pada itu, sentimen pengguna juga menunjukkan peningkatan walaupun masih lemah mengikut tinjauan MIER melalui indeks sentimen pengguna (CSI). Seperti BCI, CSI juga dikeluarkan setiap suku tahunan untuk mengukur sentimen pengguna berkenaan keadaan ekonomi jangka pendek. Indeks ini juga dirujuk dengan meluas sama ada di dalam mahu pun di luar negara semenjak hampir 30 tahun yang lepas.

Rata-rata mengikut CSI, pengguna lebih optimistik berkenaan keadaan ekonomi, termasuk mengenai pendapatan semasa, pendapatan akan datang dan prospek pekerjaan. Namun demikian mereka masih berhati-hati tentang pelan perbelanjaan. Antara lain, ianya disebabkan oleh kejatuhan nilai ringgit dan keadaan hutang isi rumah yang agak tinggi.

Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian sentimen perniagaan dan pengguna mengikut BCI dan CSI adalah berdasarkan situasi jangka pendek. Para peniaga dan pengguna membuat telahan berdasarkan persepsi jangka pendek mereka. Perlu diingat, situasi ekonomi global kini masih terdedah kepada faktor ketidakpastian. Ketidakpastian dasar dan politik terutama di kalangan beberapa ekonomi utama dunia masih meletakkan risiko terhadap pertumbuhan ekonomi global. Keadaan ini boleh memberikan risiko menurun kepada prospek pertumbuhan ekonomi negara sekiranya keputusan politik dan dasar negara-negara tertentu tidak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.